

20/06/2001

Dr M rasmi Galeri Umno

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Galeri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, sempena perhimpunan agung parti itu, yang bermula esok.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno meluangkan masa kira-kira 15 minit untuk melawat dan menghayati gambar pemimpin yang berjuang dalam perjuangan Umno sebelum dan selepas kemerdekaan.

Turut dipamerkan ialah beberapa naskhah akhbar Perikatan, album mengenai penglibatan dan pergolakan yang terpaksa dihadapi pemimpin Umno sejak ia diasaskan oleh Datuk Onn Jaafar.

Galeri Umno yang dibuka kepada umum itu turut menampilkan pencapaian negara secara fizikal di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) yang diterajui Umno.

Antara produk yang dipamerkan untuk menunjukkan pencapaian fizikal itu ialah kereta dan motosikal terbaru keluaran negara - Proton Waja, Kriss dan Jaguh.

Perhimpunan Agung Umno ke-55 dijangka dihadiri oleh 2,027 orang daripada 165 bahagian Umno dari seluruh negara.

(END)